

Petikan di bawah mengandungi tiga belas kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga belas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Selain daripada menjadi sumber pendapatan negara, industri pelancongan berperanan kepentingan dalam membaiki dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Hal ini disebabkan sektor ini dapat wujud peluang pekerjaan dalam bidang perkhidmatan, perhotelan, perniagaan dan penghasilan kraftangan agar rakyat dapat mencari nafkah hidup dan mata carian dengan tulang empat kerat. Di atas kesedaran ini, segala sumber kekuatan Malaysia dalam industri pelancongan harus dicungkil, dikembangkan dan dimanfaatkan secara maksima.

Dalam konteks ini, salah satu bidang dalam industri pelancongan ialah pelancongan kesihatan. Menurut Kamus Dewan, pelancongan kesihatan ialah untuk menarik pelancong berkunjung ke sesebuah negara atas sebab perawatan dan perubatan di samping makan angin. Oleh itu, langkah-langkah yang efektif harus diambil dalam usaha memajukan industri pelancongan negara kita. Antara langkah-langkah yang perlu diambil ialah mempereratkan kerjasama antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pelancongan. Seperti kata pepatah berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, untuk membina kewibawaan dan kredibiliti Malaysia dalam industri pelancongan kesihatan. Bukan itu sahaja, kos perubatan dan perawatan tidak dapat diketepikan. Tidak dapat dinafikan kos perubatan dan perawatan yang kompetitif dengan tawaran mutu perkhidmatan setanding dengan negara maju dapat mengamit banjir pelancong asing ke Malaysia.

(Sumber: <http://www.beritakampus.usm.my/index.php/berita/rencana/90-kembangkan-industri-pelancongan-kesihatan>)

[13 markah]

Salah	Betul